

17 FEB 1997

Mahathir-Keamanan

KEAMANAN BANTU NEGARA MAJUKAN EKONOMI, KATA PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan kerana ia aman dan tenteram menyebabkan usaha kerajaan membawa pembangunan kepada rakyatnya berjalan tanpa gangguan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata dasar kerajaan yang membahagikan secara saksama sumber kekayaan negara tanpa mengira kaum atau agama banyak membantu mewujudkan suasana aman dan tenteram berkenaan.

"Konsep pembangunan yang diamalkan oleh negara ialah berasaskan amalan membahagikan secara saksama dan bukan memberikan segala-galanya kepada satu kaum sahaja menyebabkan kaum lain iri hati," katanya di hadapan kira-kira 7,000 hadirin di majlis perayaan berkembar Tahun Baru Cina dan Hari Raya di Pusat Perdagangan Sabah di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata, kelebihan memang diberi kepada mereka yang kurang mampu daripada segi ekonomi bagi menentukan wujudnya keseimbangan antara kaum.

"Falsafah pembangunan ini banyak membawa kebaikan dan ini dibuktikan dengan kehadiran kita bersama-sama pada majlis perayaan ini dalam suasana aman dan mesra, tanpa wujud syak wasangka antara kita," katanya.

Beliau juga meminta tradisi "rumah terbuka" yang diadakan pemimpin setiap kali pada sesuatu perayaan agar diteruskan pada masa-masa akan datang demi memberi peluang kepada semua kaum untuk sama-sama merayakan perayaan kaum yang lain.

"Adakanlah rumah terbuka seberapa kerap yang boleh dan jemputlah semua kaum untuk menyertainya. Yang penting ialah niat di hati untuk memberi layanan setakat yang mampu," katanya.

Menurut beliau konsep "Kongsi Raya" tidak perlu dilihat sebagai bertentangan dengan agama kerana konsep itu cuma satu cara untuk menyuarakan kegembiraan kerana dapat merayakan perayaan secara bersama.

Beliau kemudian merasmikan Pusat Perdagangan Sabah, sebuah kompleks perdagangan di Jalan Istiadat di Teluk Likas di sini, yang dibina khusus untuk menjadi pusat maklumat setempat bagi pelaburan dan perdagangan di negeri ini.

Pusat itu, yang turut berfungsi bagi meningkatkan peranan Sabah dalam konteks perdagangan dalam Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA), mempunyai ruang pameran yang luas yang telah habis ditempah untuk 13 pameran sepanjang tahun ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam, bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak, Menteri-menteri Kabinet negeri dan pembantu-pembantu Menteri serta pemimpin komponen Barisan Nasional Sabah. -- BERNAMA

JS PR